

04/08/2001

84,372 sertai Puteri Umno

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Jumaat - Puteri Umno yang dilancarkan secara rasmi oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini, mempunyai 84,372 ahli di seluruh negara.

Presiden Umno menyifatkan sambutan menggalakkan terhadap sayap baru parti itu membuktikan generasi muda tetap menyokong Umno, sekali gus menafikan dakwaan sesetengah pihak kononnya golongan itu tidak berminat dengan Umno.

"Kalau ada sesiapa mendakwa generasi muda tidak suka Umno, kita jemput mereka lihat sambutan (pelancaran Puteri) di dewan ini. Apakah dengan kehadiran seramai ini Umno masih tidak relevan," katanya sambil disambut teriakan 'Umno tetap relevan' oleh kira-kira 5,000 hadirin yang memenuhi Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Dalam ucapannya, Perdana Menteri menasihatkan Puteri Umno yang ditubuhkan empat bulan lalu, supaya menghayati perjuangan parti dan bergerak sebagai satu entiti untuk mengukuhkan Umno.

Beliau berkata, sebagai sayap baru, Puteri Umno perlu memahami perjuangan parti kerana penyertaan mereka tidak akan membawa sebarang makna, sekiranya tidak memberi sumbangan kepada parti, agama dan negara.

Perdana Menteri juga mengingatkan pemimpin penaja Puteri Umno bahawa jawatan yang disandang bukan hiasan, tetapi tanggungjawab terhadap perjuangan parti.

"Saya yakin Puteri Umno yang ditubuhkan ketika keadaan genting dengan dakwaan sesetengah pihak kononnya Umno tidak lagi relevan akan mampu menarik generasi muda menyokong parti," katanya pada majlis yang berlangsung dalam suasana penuh semangat.

Majlis itu yang dimulai dengan nyanyian lagu kebangsaan, Negaraku dan bacaan al-Quran, turut dihadiri isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Endon Mahmood serta Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman Said.

Dalam ucapan hampir sejam, Dr Mahathir turut memuji kesungguhan dan iltizam wanita terhadap parti, malah keahlian mereka dalam Umno kini sudah melebihi lelaki.

"Keputusan Umno memberi tempat kepada wanita pada awal penubuhan adalah langkah bijak kerana mereka sememangnya lebih serius dan iltizam terhadap perjuangan.

"Walaupun bilangan wanita yang menjawat jawatan tidak ramai, keahlian mereka meningkat dan sekarang sudah melebihi lelaki di dalam Umno," katanya.

Dr Mahathir berkata, Puteri Umno harus berhati-hati terhadap pihak yang ingin mencari kecacatan sayap baru Umno itu ketika mereka berusaha memperjuangkan parti.

"Rakyat sedang memerhatikan gerak geri (Puteri Umno) dan ramai yang cari kecacatan mereka. Oleh itu adalah penting bagi Puteri Umno menjaga gerak geri mereka," katanya.

Beliau juga menasihatkan golongan muda itu supaya jangan mencemarkan Puteri Umno.

"Kita nak Puteri Umno tubuh banyak cawangan. Jangan Pemuda (Umno) tubuh cawangan di kalangan Puteri. Cawangan pertama tak apa...kedua, ketiga, keempat, jangan," katanya disambut gelak ketawa hadirin.

Dr Mahathir juga mengingatkan Pemuda Umno supaya turut menjaga nama baik

Puteri Umno kerana parti itu mengetahui ada pihak yang cuba mencari kelemahan sayap baru itu.

Beliau berkata, Puteri Umno perlu berganding bahu dengan Pergerakan Wanita dan Pergerakan Pemuda serta sentiasa menjaga nama baik parti.

"Inilah harapan parti dan orang Melayu amnya terhadap Puteri Umno. Saya yakin Puteri Umno tidak akan mengecewakan mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata, penubuhan Puteri Umno memberi peluang baik kepada generasi muda wanita Melayu untuk membabitkan diri secara aktif dalam politik khususnya bersama Umno.

"Puteri Umno juga dapat menjadi wadah baru kepada wanita muda Melayu untuk bergiat secara langsung dalam usaha parti memperjuangkan dan membela nasib bangsa ke arah kemajuan dan kemakmuran," katanya.

(END)